

**SUMBANGAN KOPERASI KE ARAH KESEJAHTERAAN ANGGOTA  
KOPERASI FELDA DI MALAYSIA**

**RAHIMAH ABD. SAMAD**

**FARAHAINI MOHD HANIF**

**FAIZ AHMAD YATIM**

**NUR SHUHADA MOHD ALI**

**MOHAMAD HANIFF MOHAMAD HASHIM**

**MAC 2019**

**ABSTRAK**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk sumbangan yang pernah diterima oleh anggota koperasi FELDA daripada koperasi masing-masing serta kaitannya dengan kesejahteraan hidup mereka. Sasaran kajian ialah semua koperasi FELDA yang aktif semasa kajian dilaksanakan, iaitu sebanyak 268 kesemuanya. Data kajian ini menggunakan kaedah borang soal selidik dan temu bual kumpulan fokus. Sebanyak 46 koperasi telah menghantar maklumbalas untuk mewakili sampel koperasi manakala bagi anggota koperasi, sebanyak 432 borang soal selidik lengkap telah diterima. Bagi sesi temubual kumpulan fokus, seramai lapan orang wakil pengurusan daripada dua koperasi FELDA telah mengambil bahagian. Dividen dan elauan merupakan manfaat kewangan utama yang diberikan oleh koperasi kepada anggota, selain honorarium untuk Ahli Lembaga Koperasi. Sebaliknya, tidak ramai yang pernah menerima manfaat berkaitan pendidikan dan pinjaman. Dari segi bantuan bukan kewangan pula, tidak ada satu pun sumbangan yang menonjol. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa bentuk sumbangan tidak ada kaitan yang bermakna dengan tahap kesejahteraan anggota, melainkan biasiswa dan pekerjaan. Ini bermakna, mereka yang pernah mendapat biasiswa untuk ahli keluarga atau mendapat pendapatan tetap daripada koperasi lebih menghargai sumbangan tersebut berbanding mereka yang pernah menerima sumbangan, sama ada kewangan atau bukan kewangan. Ringkasnya, koperasi FELDA khasnya belum lagi diiktiraf oleh anggotanya sebagai penyumbang kepada kesejahteraan hidup mereka. Sumbangan koperasi juga nyata lebih ketara dari aspek instrinsik berbanding

aspek ekstrinsik. Khususnya, mereka mengakui koperasi telah berjaya membantu mengeratkan silaturahim, mewujudkan suasana harmoni dan aman serta meningkatkan aktiviti sosial dalam masyarakat setempat, tetapi sebaliknya belum mampu untuk meningkatkan tahap kesihatan, mewujudkan persekitaran yang kondusif dan menyediakan bantuan kewangan untuk pendidikan anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, mereka tetap berpuashati dengan sumbangan koperasi masing-masing dalam usaha mensejahterakan kehidupan mereka. Selain itu, bagi meningkatkan lagi sumbangan koperasi kepada anggota, enam perkara yang perlu diambil perhatian oleh koperasi ialah kemudahan pengangkutan, pendapatan sampingan, jaringan dengan pihak luar, peluang meningkatkan pengetahuan, aktiviti sosial yang memberi manfaat kepada masyarakat serta suasana harmoni dan aman. Hasil perbincangan kumpulan fokus pula jelas menunjukkan bahawa kejayaan sesuatu koperasi itu bergantung kepada komitmen dan pengorbanan daripada semua pihak, iaitu bukan sahaja daripada barisan pengurusan yang dipilih oleh anggota untuk menerajui aktiviti-aktiviti koperasi berkenaan, tetapi juga daripada para anggota koperasi sendiri. Terdapat percanggahan pendapat tentang sumbangan serta tanggungjawab koperasi daripada perspektif pengurusan dan anggota. Oleh itu, matlamat penubuhan koperasi tidak akan mampu dicapai sekiranya tidak wujud kerjasama yang erat serta kesefahaman kedua-dua pihak tersebut. Dicadangkan supaya langkah-langkah yang wajar dilaksanakan bagi memperkasakan koperasi FELDA agar lebih banyak manfaat dapat diberikan kepada anggota khasnya dan masyarakat FELDA amnya. Antaranya ialah dengan menarik lebih ramai anak-anak peneroka untuk menjadi anggota dan pelapis pengurusan koperasi, meningkatkan kerjasama antara pengurusan dan anggota, serta menceburi pelbagai bidang perniagaan selain perladangan dengan bimbingan agensi-agensi yang berkenaan, termasuk FELDA sendiri.